



TUANKU Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menyampaikan trofi Anugerah Penghormatan FIABCI kepada Dr. Mahathir Mohamad pada majlis makan malam di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, malam tadi.

Dr. Mahathir terima Anugerah Pembangunan Negara

KUALALUMPUR 24 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dikurniakan Anugerah Penghormatan bagi Pembangunan Negara oleh Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) Bahagian Malaysia.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Hotel Shangri-La, di sini malam ini, yang turut melayakkan beliau digelar Negarawan dan Tokoh Pembina Negara.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta Presiden FIABCI-Malaysia, Datuk Teo Chiang Kok.

Anugerah itu bertujuan menghargai dan mengenang jasa serta kepimpinan Dr. Mahathir sepanjang menjalan tugas sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun sejak 1981 hingga Oktober tahun lalu.

Antara pembinaan, yang dilaksanakan di bawah kepimpinan beliau ialah Menara Berkembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Litar F1 Sepang, Putrajaya, Jambatan Pulau Pinang dan banyak lagi.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, sebenar beliau tidak berhak menerima anugerah itu tetapi menunjukannya kepada seluruh rakyat Malaysia yang sanggup dan sudi bekerjasama untuk memajukan negara ini.

"Saya tidak fikir saya berhak menerima anugerah ini. Anda semualah yang lebih berhak dan ia diberikan kepada anda. Tetapi ahggaplah saya menerimanya sebagai mewakili anda semua dan terima kasih kepada FIABCI," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, beliau berasa gembira sepanjang menjalankan tugas memimpin negara ini malah memuji dan menghargai kerjasama rakyat yang menyahut permintaan dan arahnya.